

Jangan tertipu lagi janji pembangkang – PM
Utusan Online
13 Januari, 2013

SEMENYIH 12 Jan. - Rakyat diingatkan agar tidak lagi tertipu dengan janji-janji pembangkang seperti mana mereka ditipu semasa pilihan raya umum lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ini kerana segala janji pembangkang itu hanyalah janji kosong dan mereka mengamalkan politik membohongi rakyat semata-mata untuk mengejar kuasa ke Putrajaya.

"Dalam Pilihan Raya Umum Ke-12, rakyat sudah kena tipu. Pembangkang tabur banyak janji. Mana pergi janji-janji itu? Tiada. Kita tanya di Selangor, janji untuk ibu tunggal. Mana dia? RM600 sebulan untuk ibu tunggal. Mana? Sudah dapat wang?"

"Kita tanya ibu bapa. Janji hantar anak ke sekolah tadika dapat RM50 sebulan. Dapat? Janji air percuma? Itu tak betul. Oleh itu jangan kena tipu sekali lagi. Tetapi kerajaan Barisan Nasional (BN) janji Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Tak lama lagi dapat BR1M 2.0. Kita janji ditepati," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di depan lebih 15,000 orang yang hadir sempena program bersama rakyat anjuran Parti Barisan Kemajuan India Malaysia (IPF) di Semenyih, di sini hari ini.

Yang turut hadir Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Presiden IPF, Datuk M. Sambanthan serta barisan kepimpinan UMNO dan parti komponen BN yang lain.

Najib berkata, pembangkang juga memungkiri janji mereka apabila berdepan dengan isu Kampung Buah Pala di Pulau Pinang.

"Saya nak kata, kalau mereka janji sekali lagi, saya nak rakyat jawab, 'Jangan janji Kampung Buah Pala'. Sebabnya pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga pergi ke kampung itu, pegang kepala ketua kumpulan kampung.

"Dia janji kalau pembangkang menang, penduduk boleh duduk kekal selama-lamanya di kampung. Tapi sesudah pilihan raya, mereka tak tunai janji. Kita (BN) pula yang bina rumah untuk penduduk kampung terbabit. Kita boleh label janji pembangkang ini janji kosong. Janganlah kena tipu lagi," tegasnya.

Beliau memberitahu, janji-janji terbaharu khususnya janji menghapuskan tol, pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan menaikkan royalti minyak merupakan satu lagi siri pembohongan pembangkang.

Malah tegas Najib, janji-janji itu jika ditunaikan mampu menyebabkan hutang negara akan bertambah.

"Ini semua satu penipuan. Mereka nak bohong rakyat. Mereka tak cerita sepenuhnya. Mereka hanya cerita separuh sahaja. Kalau nak hapuskan tol, PTPTN dan naikkan royalti, pembangkang tak sebut tentang soal pendapatan negara.

"Inilah yang saya katakan cerita separuh sahaja. Mereka hanya nak kuasa dan tak fikir apa kesudahannya kepada negara nanti," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20130113/po_01/Jangan-tertipu---lagi-janji-pembangkang---PM